

Koperasi kawasan bandar digalak ceburi bidang pendidikan

KUALA SELANGOR – Koperasi terutamanya di kawasan bandar disarankan menceburi bidang pendidikan dengan membuka prasekolah dan sekolah rendah integrasi.

Menteri Pembangunan Usaha-wan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah disifatkan dinamik itu dan serampang dua mata dalam membantu mengurangkan kepadatan jumlah murid selain satu cabang baharu perniagaan yang kebiasaannya diceburi pihak swasta.

Katanya, ini juga selari dengan hasrat kementerian supaya tidak tertinggal dalam dunia pendidi-kan.

"Bidang pendidikan adalah amat jarang diceburi koperasi. Kalau tengok di bandar memang tidak cukup sekolah dengan contohnya di Puncak Alam ini ter-dapat sekolah rendah sekalipun dengan jumlah pelajar mencecah 3,000 orang.

"Ini menunjukkan ibu bapa di bandar lebih memberi keutamaan kepada pendidikan dan kalau buka sekolah swasta pun sambutan amat baik," katanya pada sidang akbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan



NOH beramah mesra dengan murid Sekolah Rendah Islam Az-Zahrawi Puncak Alam di Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor semalam.

– AFIQ RAZALI

Sekolah Rendah Islam Az-Zahrawi Puncak Alam yang dimiliki Koperasi Felda Bukit Cherakah Selangor Berhad.

Jelas Noh, pembukaan sekolah oleh koperasi juga beri peluang pekerjaan kepada generasi pertama dan generasi kedua melibatkan anak-anak ahli koperasi mendapatkan pendidikan sewajarnya.

Ujarnya, pada masa depan

sekiranya terdapat sekolah me-nengah milik koperasi, akan mem-berikan peluang kepada lepasan pelajar menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi.

"Tambahan, kita juga mempu-nyai Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) dan menjadi harapan saya supaya koperasi secara khususnya terlibat dalam pelbagai bidang termasuk sektor pendidikan," katanya.